Kata Ganti Nama Diri

Latihan bertubi-tubi

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1 Bryan seorang murid yang pintar _____ belajar di kelas 6 jujur.

A Hamba
B patik
C saya
D Dia

2 " _____ akan berjumpa dengan Cikgu Harum pada petang nanti" kata David kepada Siti.

A Beta
B Saya
C patik
D kami

3 "Bolehkah _____ tunjukkan jalan ke perpustakaan Negara?" kata Devi kepada gadis itu.

A mereka
B kamu
C beliau
D dia

4 " _____ perlu menggalahkan pasukan lawan supaya dapat melayakkan diri ke pusingan seterusnya,' kata ketua pasukan bola keranjang itu kepada ahli-ahlinya.

A kami
B beliau
C Kita
D saya

5 " _____akan menurut perintah, tuanku," kata Hang Tuah kepada sultan.

A Hamba
B beta
C baginda
D Patik

6 Murid-murid itu didenda oleh Cikgu Lim kerana _____ tidak menyiapkan kerja sekolah.

A dia
B mereka
C anda
D beliau

7 Puan Mastura ialah Guru Besar SJK (C) Ching Mun. _____ telah berkhidmat di sekolah itu selama hampir tujuh tahun.

A baginda
B beta
C hamba
D patik

8 " _____ berjanji akan membangunkan kawasan ini" titah Sultan Sulaiman.

A baginda
B beta
C hamba
D patik

9 Cikgu Faizal memuji Wai Ling atas tindakan _____ menolong seorang mangsa kemalangan pada pagi tadi.

A anda
B -nya
C dia
D ia

10 _____ mestilah taat kepada ibu bapa kerana mereklah yang membesarkan kita.

A Tuanku
B Mereka
C Kita
D kami

11 " Wahai pelajar-pelajar , _____ hendaklah belajar bersungguh-sungguh hingga berjaya ke menara gading!' nasihat Guru Besar kepada kami.

A kalian
B engkau
C kami
D saya

12 “Lebih baik ____ segera pergi menelefon pihak bomba,” arah Kai Weng kepada kawannya apabila ternampak kebakaran.

A saya
B mereka
C dia
D kamu

13 Sultan Johor akan menghadiri majlis itu. _____ akan diiringi oleh Menteri Besar Johor.

A Beliau
B Baginda
C beta
D patik

14 “ _____ berasal dari mana?” tanya Encik Abu kepada pemuda itu.

A kamu
B kalina
C aku
D dia

15 “Bilakah _____ akan berjumpa dengan duta dari negara itu?” tanya bendahara kepada Sultan Iskandar.

A beta
B kamu
C tuanku
D hamba

16 “_____ akan pergi ke pameran buku yang diadakan di dewan serba guna itu,” kata Jesus dan Johan kepada Ang.

A aku
B kami
C kita
D saya

17 Sekumpulan perompak berjaya melepaskan diri. _____ telah melarikan sejumlah barang kemas yang bernilai RM 300 000.

A Mereka
B Engkau
C Kita
D anda

18 “Sandra , marilah _____pergi mendayung sampan di tasik itu,” kata Thini.

A dia
B kita
C kamu
D saya

19 _____ seorang wakil rakyat yang sentiasa menyelesaikan masalah penduduk di kawasan ini.

A hamba
B beliau
C baginda
D mereka

20 _____ berazam untuk memecahkan rekod kebangsaannya dalam temasya sukan itu.

A dia
B hamba
C beta
D -nya